

Program intervensi yang berlandaskan tadika (peringkat awal): Konsep dan strategi dalam membentuk kanak-kanak berintegriti

Abstrak

"Tekad Integriti 4" menggariskan supaya keluarga dan komuniti membentuk masyarakat yang berdisiplin dan harmoni (Pelan Integriti Nasional, 2013). Dalam hal ini, institusi pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk insan yang berintegriti dari segi sosiobudaya (media massa), kesihatan, jasmani dan rohani (produktiviti individu). Selain ibu bapa, guru juga merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak di sekolah. Statistik Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) melaporkan terdapat sebanyak 16,268 buah tadika di Malaysia, terdapat seramai 28,661 orang guru dan terdapat seramai 270,578 orang pelajar di tadika-tadika tersebut. Dengan kata lain, nisbah guru dengan kanak-kanak dalam satu kelas adalah seorang guru memikul tanggungjawab yang berat untuk menjaga 22 orang kanakkanak yang masih dalam pembelajaran peringkat awal (Utusan Malaysia, Januari 8, 2014, pp.26). Namun, terdapat dakwaan bahawa kualiti pengajaran guru di tadika adalah kurang memuaskan. Pendekatan pengajaran di tadika dikatakan kurang memberangsangkan. Malah pertuturan dalam Bahasa Inggeris bagi pelajar tadika dan guru adalah lemah. Kanak-kanak tadika juga didapati kekurangan aktiviti seharian. Sejurus itu, dalam kertas kerja ini pengkaji mengemukakan idea bagi membentuk program intervensi yang berlandaskan tadika di peringkat awal (kindergarten-based intervention) bertujuan untuk meningkatkan kesahsiah guru tadika dan membantu mengurangkan tingkah laku sedentari kanak-kanak tadika demi mencapai "Pendidikan Blueprint Malaysia 2013-2025".